

22 SEP 1997

Penjaja-Bantah (Bergambar)

LEBIH 500 PENJAJA BERKUMPUL BANTAH PERPINDAHAN

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Lebih 500 penjaja di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman berkumpul membantah arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya mereka berpindah ke kawasan penjaja baru di Lorong Haji Taib.

Mereka berkumpul secara aman sejak pukul 10.30 pagi dengan menggantung kain rentang dan sepaduk membantah arahan yang berkuatkuasa esok.

Bagaimanapun polis terpaksa mengeluarkan amaran keras dan mengarahkan mereka bersurai apabila mereka tidak mengendahkan arahan yang dibuat terlebih terdahulu.

Ketua Daerah Polis Dang Wangi ACP Zainal Abidin Ali berkata, satu pasukan Polis Simpanan Persekutuan ditempatkan di kawasan itu sebagai langkah berjaga-jaga.

Tiada tangkapan dibuat memandangkan mereka mematuhi arahan polis supaya bersurai.

Beliau berkata penjaja-penjaja itu tidak membuat permohonan untuk berhimpun mengikut Seksyen 27 Akta Polis 1967 dan kesalahan itu boleh membawa hukuman penjara enam bulan atau denda RM2,000 atau kedua-duanya kerana berhimpun dan membuat bantahan di tempat awam tanpa kebenaran.

Penjaja-penjaja itu berkumpul membantah arahan DBKL supaya mereka berpindah ke lokasi penjaja baru di Lorong Haji Taib bermula esok dan meminta DBKL supaya tidak memaksa mereka berpindah.

Sementara itu Ketua Pengarah DBKL Datuk Noordin Abdul Razak ketika ditemui berkata, tindakan akan diambil terhadap penjaja-penjaja itu sekiranya mereka berdegil dan enggan pindah ke lokasi baru yang disediakan.

Beliau berkata lebih 166 penjaja telah bersetuju untuk berpindah ke Lorong Haji Taib selepas undian yang dibuat baru-baru ini tetapi apabila tiba masanya mereka berkumpul membantah apa yang telah dipersetujui.

"DBKL memahami masalah yang dihadapi penjaja untuk berpindah kerana ianya akan menjejaskan perniagaan mereka tetapi kawasan mereka berniaga sekarang ini perlu dibangunkan untuk kepentingan masyarakat awam," katanya.

Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Wilayah Persekutuan Baharin A.Razak berkata, satu memorandum akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) meminta melantik seorang jururunding bagi menyelesaikan masalah itu.

Beliau kesal dengan tindakan DBKL itu yang berjanji untuk berunding hari ini tetapi sebaliknya bersikap keras terhadap rayuan mereka. --

BERNAMA

SLR ZAI PR